

Bersama-sama kita cari penyelesaian: Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat tidak seharusnya menganggap setiap masalah yang dihadapi sekarang sebagai tekanan, kerana anggapan sedemikian boleh menekan diri mereka sendiri.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, rakyat perlu bersama-sama mencari penyelesaian dengan kerajaan dalam mengatasi masalah ekonomi dan politik yang dihadapi oleh negara sekarang.

"Rakyat tidak perlu cemas dengan keadaan sekarang dan semua pihak perlu menjalankan tugas mereka untuk mengatasinya," tegas beliau ketika menjawab pelbagai soalan wartawan di majlis makan malam Kelab Kebangsaan Wartawan Malaysia di sini malam tadi.

masalah tidak boleh diselesaikan cara perseorangan, kecuali dengan sumbangan semua rakyat negara ini.

Beliau berkata ketika negara menghadapi masalah rusuhan kaum pada 1969, ada laporan yang mengatakan bahawa demokrasi di Malaysia akan mati.

Sebaliknya, tegas beliau, Malaysia terus maju dengan kadar pembangunan yang lebih pesat, berbanding sebelum 1969.

Kebebasan

Mengenai kebebasan akhbar, Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagaimana penting sekali pun kebebasan akhbar atau kebebasan peribadi, ia tidak boleh mengatasi kepentingan negara.

Katanya, negara-negara Barat kini tidak dapat mengawal keadaan dan nilai hidup rakyatnya kerana mereka meletakkan kebebasan peribadi dan akhbar,

Datuk Seri Dr Mahathir berkata dalam menghadapi kejatuhan harga barangan, kerajaan menyusun beberapa rancangan bagi menyesuaikan dengan keadaan sekarang, terutama penurunan kos sara hidup.

Tekanan

"Kejatuhan harga petroleum, memerlukan kerajaan merangka penurunan harga, antaranya harga diesel dan kadar bayaran elektrik untuk kilang-kilang yang tidak lagi mampu menjalankan kegiatan kerana kos meningkat," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yakin Malaysia akan dapat mengatasi pelbagai masalah politik dan ekonomi yang dihadapinya sekarang.

Apa yang penting, tegas beliau, ialah rakyat mestilah memahami masalah itu dan bukan semata-mata menganggapnya sebagai satu tekanan dan tidak boleh diselesaikan.

Menurutnya, setiap

melampaui batas, sehingga melebihi kepentingan negara.

Menjawab soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia menghadiri sidang kemuncak ketua negara-negara Asean tahun depan walaupun ia akan diadakan di Filipina.

Dalam hal ini, katanya, yang penting ialah mengkaji terlebih dahulu perkara yang akan dibincangkan di sidang itu serta menilai semula pencapaian pelaksanaan perkara-perkara yang diputuskan dalam sidang lalu.

Bagaimanapun, katanya, pemimpin-pemimpin Malaysia, seperti sebelumnya, tidak akan mengadakan lawatan rasmi ke Filipina, selagi negara itu tidak mengugurkan tuntutan ke atas Sabah.